

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH :

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini kadar pengangguran pekerja dan langkah-langkah Kementerian untuk membantu mereka yang kehilangan sumber pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menganggarkan julat maksimum kadar pengangguran adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini susulan daripada pandemik Covid-19.
2. Berdasarkan data terkini Survei Tenaga Buruh DOSM, kadar pengangguran di Malaysia pada bulan Ogos 2020 kekal pada 4.7 peratus. Bilangan penganggur turun marginal bulan ke bulan sebanyak 3.5 ribu orang kepada 741.6 ribu orang (Julai 2020 : 745.1 ribu orang).
3. Dalam mendepani situasi pengangguran di Malaysia serta memperkasakan rakyat, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana

SOALAN NO : 199

Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan membantu mereka yang kehilangan sumber pendapatan untuk mendapatkan pekerjaan, melindungi pekerjaan dan meningkatkan kemahiran. Rakyat akan dapat memanfaatkan peluang semasa ekonomi beransur pulih melalui Inisiatif PENJANA tersebut.

4. Statistik Lima (5) inisiatif PENJANA di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah Pelaksanaan Program Subsidi Upah, Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran dan Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Program Subsidi Upah (PSU 1.0) dan pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU) 2.0 telah membantu majikan yang terkesan supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan. Program ini telah melibatkan pengagihan dana Kerajaan berjumlah RM2.4 billion dengan sasaran seramai 1.3 juta pekerja. Melalui PSU 1.0, sejumlah 331,569 syarikat dan 2.72 juta pekerja telah menerima manfaat ini. Sehingga 16 Oktober 2020, PERKESO telah menerima sejumlah 36,910 permohonan daripada majikan bagi program PSU 2.0.

6. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 billion kepada PERKESO untuk Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan. Program ini merangkumi insentif pengambilan pekerja, peningkatan kemahiran pekerja dan penganggur, bantuan perpindahan, dan kerjasama dengan agensi pekerjaan swasta sehingga tempoh 6 bulan. Program ini telah berjaya membantu sejumlah Enam Puluh Satu (61) ribu pekerja sehingga 16 Oktober 2020.

7. Kementerian juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020.

Lima (5) skim telah diperkenalkan yang memberi penekanan terhadap latihan dan peningkatan kemahiran pekerja (*upskilling* dan *reskilling*) iaitu *Place and Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industry Revolution 4.0* dan *Gerak Insan Gemilang (GIG)*.

8. Dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan rakyat, Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah dipertanggungjawabkan untuk turut menyelaraskan pelaksanaan program PENJANA *Upskilling & Reskilling* dengan jumlah peruntukan sebanyak Dua (2) Billion. Program kemahiran dan peningkatan kemahiran ini sedang dilaksanakan merentasi Lapan (8) Kementerian dan Agensi dan akan memanfaatkan sejumlah Dua Ratus Ribu (200 ribu) belia dan golongan penganggur.

9. PENJANA *Upskilling & Reskilling* akan membantu belia dan golongan penganggur dalam mendapatkan pekerjaan baharu (*new jobs*), menghasilkan usahawan baharu (*new entrepreneurs*) atau pengekalan pekerjaan (*job retention*). Sehingga kini, sejumlah Lima Ratus (500) juta peruntukan yang telah disalurkan dan Seratus Dua (102) ribu pelatih yang telah diluluskan untuk mengikuti pelbagai program dibawah PENJANA *Upskilling & Reskilling* ini. Langkah ini dijangka akan terus membantu mengurangkan kadar pengangguran Negara ke aras yang lebih stabil.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Kementerian juga telah mengambil langkah pro aktif bersama-sama Kementerian Kewangan untuk memantau dan menyelaraskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan sumber manusia tersebut dengan menubuhkan Jawatankuasa Pekerjaan Nasional (JKPN) pada Jun 2020. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk memantau keadaan pasaran buruh dan pengangguran negara, menyelaraskan pelaksanaan inisiatif PENJANA serta dan memantau keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut.

SOALAN NO : 199

11. Kerajaan akan sentiasa berusaha agar kadar pengangguran di Malaysia adalah terkkawal dan memastikan rakyat mampu mendepani saat-saat sukar yang belum pernah dialami oleh Negara sebelum ini.

Sekian, terima kasih.